

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in M-Zahra First Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.

## **1. What is this plan about?**

This is a regular contribution term takaful plan which pays a lump sum benefit upon death or upon the occurrence of Total and Permanent Disability ("TPD") to the person covered during the term of the coverage, including additional benefit payable for death during Hajj / Umrah or accidental death occurring within or outside Malaysia.

In addition, this plan also includes critical illness cover that provides advanced payout if the person covered is diagnosed with or undergoing surgery for any one of the forty-seven (47) covered critical illnesses, as well as a daily hospital cash benefit upon admission to a hospital.

By participating in this plan, five percent (5%) of the contribution paid will also be donated to a charitable organisation approved by Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia", "We", "Our" or "Us") as Sadaqa contribution (as defined below). In the event of death of the person covered, the balance of the unpaid Sadaqa contribution for the remaining coverage term will be donated to the charitable organisation as Sadaqa benefit.

## **2. What are the Shariah concepts applicable?**

This plan applies the following Shariah concepts:

- a. **Tabarru'** means donation for charitable purposes. Under this plan, the participant donates an amount from the Participant Account ("PA") to the Participant Special Account ("PSA") to help other participants.
- b. **Wakalah** refers to a contract where a party, as principal authorises another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. Under this plan, the participant authorises Takaful Malaysia to manage the certificate and in return, Takaful Malaysia will receive a Wakalah fee.
- c. **Ju'alah** refers to a contract where a party offers a specified reward to another party who achieved a determined result. Under this plan, the participant allows Takaful Malaysia to receive fifteen percent (15%) of the investment profit arising from the PA and fifty percent (50%) of the distributable surplus arising from the PSA, if any, as a performance incentive for Takaful Malaysia's achievement in managing the PA and PSA respectively which results in the profit.
- d. **Qard** refers to a loan which is returned at the end of the agreed period without any interest. Under this plan, Takaful Malaysia will lend an amount of money to the PSA without interest if the PSA is in deficit to pay claims.
- e. **Hibah** refers to a transfer of ownership of an asset from a donor to a recipient(s) without any consideration. Under this plan, the nominee(s) may receive the benefits payable based on Hibah if the nominee(s) is/are a beneficiary(ies) under conditional Hibah.
- f. **Sadaqa** is charity given voluntarily in order to please God. Sadaqa also describes a voluntary charitable act towards others, whether through generosity or compassion. Under this plan, five percent (5%) of the contribution paid will be donated to a charitable organisation approved by Takaful Malaysia as Sadaqa contribution. Upon the person covered's death, the balance of unpaid Sadaqa contribution for the remaining coverage term will be donated as Sadaqa benefit.

## **3. What are the covers / benefits provided?**

This plan covers:

No.	Benefits	Benefit Amount
1.	Death / TPD Benefit	a. RM100,000; and b. the balance in the PA (if any).
2.	Additional Benefit for Accidental Death Within Malaysia	RM100,000
3.	Additional Benefit for Accidental Death Outside Malaysia	RM200,000
4.	Additional Benefit for Death While Performing Hajj / Umrah	RM200,000
5.	Critical Illness Benefit	RM50,000
6.	Daily Hospital Cash Benefit	a. Hospitalisation Benefit - RM75.00; or b. Intensive Care Unit ("ICU") Benefit - RM150.00
7.	Sadaqa Benefit	The balance of the unpaid Sadaqa contribution for the remaining certificate term will be paid in one lump sum to a selected charitable organisation.

**8. Maturity Benefit**

The balance in the PA, if any.

**Notes:**

- a. The coverage term is twenty (20) years.
- b. Benefit (2), (3) or (4) is claimable only once on top of benefits (1) and (7), where applicable.

**4. How much contribution do I have to pay?**

The monthly contribution that you have to pay under this plan is RM75.00. Five percent (5%) of your contribution, i.e. RM3.75, will be donated to a selected charitable organisation as Sadaqa contribution.

**Notes:**

- a. The contribution payment methods allowable are credit / debit card and online banking.
- b. You can choose to make your payment monthly, quarterly, semi-annually or annually.

**5. What are the fees and charges that I have to pay?**

- a. Wakalah fee is deducted upfront as a percentage of contribution to meet Our management expenses and commissions. Please refer to the details of Wakalah fee and commission for the first ten (10) years below:

Year	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Wakalah Fee (%)*	50.01%	50.01%	50.01%	49.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%
Wakalah Fee (RM)	427.56	427.56	427.56	427.44	256.44	256.44	256.44	256.44	256.44	256.44
Commission (%)*	30.01%	20.00%	15.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
Commission (RM)	256.56	171.00	128.28	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72

\*Wakalah fee and commission are calculated as a percentage of the contribution net of Sadaqa contribution. The Wakalah fee will not be charged on the Sadaqa contribution. Similarly, no commission is payable on the Sadaqa contribution.

- b. Tabarru' will also be deducted monthly from the PA and credited into the PSA. Tabarru' varies depending on the person covered's attained age and gender. However, the Tabarru' is not guaranteed. Please refer to the marketing illustration for the total Tabarru' contributed under this product.
- c. Service charge of RM3 per month will be deducted from the PA.

**6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

- a. **Duty of Disclosure** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, you have a duty to take reasonable care not to provide false or inaccurate information when answering the questions in the Family Takaful Proposal and Declaration Form (or when you apply for this plan). Failure to do so may result in voidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with Us. You also have a duty to tell Us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with Us any of the information provided is inaccurate or has changed.
- b. **Free-Look Period** - There is a free-look period of fifteen (15) calendar days from the delivery date of the e-Certificate for you to review and decide whether you want to continue with the plan. If you wish to discontinue, you may cancel the certificate and get a full refund of your contributions paid less any expenses which may have been incurred for the medical examination of the person covered.
- c. **Lapse** - If on the monthly anniversary the PA is insufficient to pay in full the monthly Tabarru' amount and service charge, the total available PA balance will still be deducted and your certificate will continue for a period determined on a pro-rated basis plus a further grace period of thirty (30) days. Your certificate will then lapse and the person covered's coverage will be terminated.
- d. **Reinstatement** - If your certificate has lapsed due to non-payment of contribution, you may reinstate it at any time within one (1) year from the lapse date, subject to Our requirements.
- e. **Waiting Period** - The critical illness benefit and daily hospital cash benefit are subjected to their respective waiting periods as stated under the exclusions. If there is a break in coverage, the waiting period shall apply again from the reinstatement date.
- f. **Pre-existing Condition** - This plan does not cover any disability, injury, sickness, disease or illness (physical or mental) that you or the person covered has reasonable knowledge of prior to the risk effective date or reinstatement date, whichever is later.
- g. **Specified Illness** - This plan also does not cover specified disabilities and their related complications, occurring within the first one hundred and twenty (120) days from the risk effective date or reinstatement date, whichever is later.

- h. You must nominate a nominee(s) and ensure that your nominee(s) is/are aware of your participation in this plan. This is only applicable if the participant and the person covered is the same person.
- i. If an incident occurs which gives rise to a claim, we shall be notified immediately. You may refer to the claim procedures in your certificate.

**Note:**

The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of terms and conditions under this plan.

## 7. What are the major exclusions under this plan?

### Death Benefit

Death due to suicide, while sane or insane, within the first (1) year from the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later.

### TPD Benefit

- a. TPD that existed prior to or on the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later;
- b. TPD directly or indirectly, caused by, a consequence of, arises in connection with or is contributed to by any pre-existing condition where:
  - i. You or the person covered had reasonable knowledge of the pre-existing condition within one hundred and eighty (180) days prior to the risk effective date or any reinstatement date, including condition(s) unknown and/or made known to Us; and
  - ii. The TPD occurred within the first (1) year from the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later;
 or
- c. TPD resulting directly or indirectly from any of the following causes:
  - i. Attempted suicide or self-inflicted injuries while sane or insane;
  - ii. Aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare-paying passenger of a recognised airline or charter service;
  - iii. War (whether war be declared or not) and intentional participation in criminal activities, unauthorized strikes, riots, or insurrection, but not to routine military duties and trainings;
  - iv. While under the influence of alcohol, narcotics, or mind-altering substance; or
  - v. Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

### Accidental Death Benefit

Death resulting directly or indirectly from any of the following causes:

- a. War (whether war be declared or not) and intentional participation in criminal activities, unauthorized strikes, riots, or insurrection, but not to routine military duties and trainings;
- b. Nuclear weapons material, ionising, radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion will include any self-sustaining process of nuclear fission;
- c. Suicide, attempted suicide or self-inflicted injury whilst sane or insane;
- d. Misuse of drugs or alcohol;
- e. Any physical defect or infirmity;
- f. Childbirth or miscarriage, pregnancy;
- g. Aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare-paying passenger of a recognised airline or charter service;
- h. Participation in or training for any dangerous or hazardous sport or competition or riding or driving in any form of race or competition;
- i. Anthrax, blood-poisoning, erysipelas, ptomaine poisoning, pyaemia, septicemia and/or tetanus; or
- j. Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

### Death While Performing Hajj / Umrah Benefit

Death within the first (1) year from the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later.

### Critical Illness Benefit

- a. Any diseases caused by or contributed to by nuclear weapons material, ionising, radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion will include any self-sustaining process of nuclear fission;
- b. Critical illness arising under the influence of alcohol, narcotics, or mind-altering substance;
- c. Critical illness due to self-inflicted injuries, while sane or insane; or
- d. Critical illness for which:
  - i. the signs and symptoms existed prior to or within the first sixty (60) days waiting period from the risk effective date or reinstatement date, whichever is later, for cancer, heart attack, coronary artery by-pass surgery and serious coronary artery disease; or
  - ii. the signs and symptoms existed prior to or within the first thirty (30) days waiting period from the risk effective date or reinstatement date, whichever is later, for all other critical illnesses in the Appendix – List of Covered Critical Illnesses.

A claim for a critical illness described above will not be admissible only because notification of the said claim was given to us after the expiry of the waiting period.

### Daily Hospital Cash Benefit

Hospitalisation caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

- a. Pre-existing condition;

- b. Specified Illness which occurs within the first one hundred and twenty (120) days waiting period from the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later;
- c. Illness other than Specified Illness or due to accidental injury which occurs within the first thirty (30) days waiting period from the risk effective date or any reinstatement date, whichever is later;
- d. Pregnancy, childbirth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical, or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility. Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization;
- e. Psychotic, mental, or nervous disorders, including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestation;
- f. Illness or injury arising under the influence of alcohol, narcotics or mind-altering substance;
- g. War (whether war be declared or not) and intentional participation in criminal activities, unauthorized strikes, riots, or insurrection, but not to routine military duties and trainings;
- h. Ionising, radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material;
- i. Attempted suicide or intentionally self-inflicted injury whilst sane or insane;
- j. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes;
- k. Illness or injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities;
- l. Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions;
- m. Hospitalisation that is considered as not reasonable and medically necessary in accordance with the diagnosis and treatment of the condition; or
- n. Routine medical examination or consultation, cosmetic or dental care and treatment or plastic surgery, organ or tissue donation, gender transformation, experimental or elective surgery or congenital anomalies.

**8. Can I cancel my certificate?**

You may request to cancel your certificate within the fifteen (15) calendar days of the free-look period. Under such circumstance, you may get a full refund of your contributions paid less any expenses which may have been incurred for the medical examination of the person covered. If you choose to surrender your certificate after the fifteen (15) calendar days of the free-look period, any balance in the PA will be payable. However, participating in a family takaful plan is a long-term financial commitment. The accumulated balance that you may get when you surrender the certificate before the maturity period will be much less than the total amount of contribution that you have paid.

**9. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you update in the *myTakaful* Customer portal or inform Us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**10. Where can I get further information?**

Should you require additional information about family takaful, please contact Takaful Malaysia at:

**Customer Service Unit (CSU)**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

27<sup>th</sup> Floor, Annexe Block,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300 88 252 385  
Email: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my).

**11. Other similar types of family takaful cover available.**

Please ask Our sales representative for other similar types of plans offered by Takaful Malaysia.

**IMPORTANT NOTES:**

**PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF PLAN THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH OUR SALES REPRESENTATIVE OR CONTACT TAKAFUL MALAYSIA DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 03/2024.

**APPENDIX – LIST OF CRITICAL ILLNESSES COVERED**

List of Critical Illnesses	
1. Alzheimer's Disease / Severe Dementia	25. Motor Neuron Disease - permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms
2. Bacterial Meningitis - resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living	26. Multiple Sclerosis
3. Benign Brain Tumor - of specified severity	27. Muscular Dystrophy
4. Blindness - Permanent and Irreversible	28. Paralysis of limbs
5. Brain Surgery	29. Parkinson's Disease - resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living
6. Cancer - of specified severity and does not cover very early cancers	30. Primary Pulmonary Arterial Hypertension - of specified severity
7. Cardiomyopathy - of specified severity	31. Serious Coronary Artery Disease
8. Chronic Aplastic Anemia - resulting in permanent Bone Marrow Failure	32. Stroke - resulting in permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms
9. Coma - resulting in permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms	33. Surgery to Aorta
10. Coronary Artery By-Pass Surgery	34. Systemic Lupus Erythematosus with Severe Kidney Complications
11. Deafness - Permanent and Irreversible	35. Third Degree Burns - of specified severity
12. Encephalitis - resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living	36. Occupationally Acquired Human Immunodeficiency Virus (HIV) Infection
13. End-Stage Liver Failure	37. Terminal Illness
14. End-Stage Lung Disease	38. Medullary Cystic Disease
15. Full-blown AIDS	39. Apallic Syndrome (i.e. Persistent Vegetative State)
16. Fulminant Viral Hepatitis	40. Chronic Autoimmune Hepatitis
17. Heart Attack - of specified severity	41. Chronic Relapsing Pancreatitis
18. Heart Valve Surgery	42. Creutzfeldt-Jakob Disease
19. HIV Infection Due to Blood Transfusion	43. Ebola Hemorrhagic Fever
20. Kidney Failure - requiring dialysis or kidney transplant	44. Elephantiasis
21. Loss of Independent Existence	45. Poliomyelitis
22. Loss of Speech	46. Progressive Scleroderma
23. Major Head Trauma - resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living	47. Severe Eisenmenger's Syndrome
24. Major Organ / Bone Marrow Transplant	

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-Zahra First Takaful. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

### **1. Apakah ciri-ciri pelan ini?**

Ini adalah pelan takaful bertempoh dengan caruman tetap yang membayar manfaat secara sekali gus apabila berlakunya kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK") ke atas orang yang dilindungi semasa tempoh perlindungan, termasuk manfaat tambahan untuk kematian semasa menunaikan Haji / Umrah atau kematian akibat kemalangan yang berlaku dalam ataupun luar Malaysia.

Selain itu, pelan ini juga termasuk perlindungan penyakit kritis yang menyediakan bayaran pendahuluan apabila orang yang dilindungi didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk mana-mana satu daripada empat puluh tujuh (47) penyakit kritis yang dilindungi, dan manfaat tunai harian hospital apabila orang yang dilindungi memasuki hospital.

Dengan menyertai pelan ini, lima peratus (5%) daripada caruman yang dibayar juga akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Kami") sebagai caruman Sadaqa (seperti yang ditakrifkan di bawah). Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, baki caruman Sadaqa yang belum dibayar untuk tempoh perlindungan yang selebihnya akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan tersebut sebagai manfaat Sadaqa.

### **2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sejumlah daripada Akaun Peserta ("AP") ke dalam Akaun Khas Peserta ("AKP") untuk membantu peserta lain.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan sijil dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.
- Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima lima belas peratus (15%) daripada keuntungan pelaburan daripada AP dan lima puluh peratus (50%) daripada lebihan yang boleh diaghikan daripada AKP, sekiranya ada, sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan AP dan AKP yang menghasilkan keuntungan.
- Qard** merujuk kepada pinjaman yang dipulangkan pada akhir tempoh yang dipersetujui tanpa sebarang faedah. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah sekiranya AKP mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset daripada penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. Di bawah pelan ini, penama boleh menerima pembayaran manfaat berdasarkan Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.
- Sadaqa** ialah amal jariah yang dilakukan secara sukarela untuk mendapat keredhaan Tuhan. Sadaqa juga menggambarkan perbuatan amal jariah secara sukarela terhadap orang lain, sama ada melalui kemurahan hati atau belas kasihan. Di bawah pelan ini, lima peratus (5%) daripada caruman yang dibayar akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Takaful Malaysia sebagai caruman Sadaqa. Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, baki caruman Sadaqa yang belum dibayar untuk tempoh sijil yang selebihnya akan didermakan sebagai manfaat Sadaqa.

### **3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Pelan ini melindungi:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat
1.	Manfaat Kematian / KMK	a. RM100,000; dan b. baki di dalam AP (sekiranya ada).
2.	Manfaat Tambahan untuk Kematian akibat Kemalangan di Dalam Malaysia	RM100,000
3.	Manfaat Tambahan untuk Kematian akibat Kemalangan di Luar Malaysia	RM200,000
4.	Manfaat Tambahan untuk Kematian Semasa Menunaikan Haji / Umrah	RM200,000

5.	Manfaat Penyakit Kritikal	RM50,000
6.	Manfaat Tunai Harian Hospital	a. Manfaat Penghospitalan - RM75.00; atau b. Manfaat Unit Rawatan Rapi ("ICU") - RM150.00
7.	Manfaat Sadaqa	Baki caruman Sadaqa yang belum dibayar untuk tempoh sijil yang selebihnya akan dibayar sekali gus kepada pertubuhan kebajikan terpilih.
8.	Manfaat Kematangan	Baki di dalam AP, sekiranya ada.

**Nota:**

- a. Tempoh perlindungan adalah selama dua puluh (20) tahun.
- b. Manfaat (2), (3) atau (4) boleh dituntut sekali sahaja di samping manfaat (1) dan (7), di mana berkenaan.

**4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?**

Caruman bulanan yang anda perlu bayar di bawah pelan ini adalah RM75.00. Lima peratus (5%) daripada caruman anda, iaitu RM3.75, akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan terpilih sebagai caruman Sadaqa.

**Nota:**

- a. Kaedah pembayaran yang dibenarkan adalah kad debit / kredit dan perbankan dalam talian.
- b. Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau tahunan.

**5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?**

- a. Yuran Wakalah akan ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan Kami dan komisen. Sila rujuk butiran yuran Wakalah dan komisen untuk sepuluh (10) tahun pertama di bawah:

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Yuran Wakalah (%)*	50.01%	50.01%	50.01%	49.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%	29.99%
Yuran Wakalah (RM)	427.56	427.56	427.56	427.44	256.44	256.44	256.44	256.44	256.44	256.44
Komisen (%)*	30.01%	20.00%	15.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
Komisen (RM)	256.56	171.00	128.28	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72	42.72

\*Yuran Wakalah dan komisen dikira sebagai peratusan caruman setelah ditolak caruman Sadaqa. Yuran Wakalah tidak akan dikenakan ke atas caruman Sadaqa. Begitu juga, komisen tidak akan dibayar ke atas caruman Sadaqa.

- b. Tabarru' juga akan ditolak setiap bulan daripada AP dan akan dikreditkan ke dalam AKP. Tabarru' berbeza bergantung kepada umur tercapai dan jantina orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, Tabarru' adalah tidak dijamin. Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk jumlah Tabarru' yang dicarumkan di bawah pelan ini.
- c. Caj perkhidmatan sebanyak RM3 sebulan akan ditolak daripada AP.

**6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?**

- a. **Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila menjawab soalan dalam Borang Cadangan dan Akuan Takaful Keluarga (atau semasa anda memohon untuk pelan ini). Kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.
- b. **Tempoh Penelitian Percuma** - Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapat bayaran balik penuh caruman yang telah dibayar tanpa untung ditolak sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan orang yang dilindungi.

- c. **Luput** - Sekiranya pada ulang tahun bulanan AP tidak mencukupi untuk menolak jumlah bulanan Tabarru' dan caj perkhidmatan, baki jumlah AP sedia ada masih akan ditolak dan sijil anda akan tetap diteruskan untuk tempoh yang ditentukan secara pro rata ditambah dengan tempoh tangguh tiga puluh (30) hari. Sijil anda seterusnya akan luput dan perlindungan orang yang dilindungi akan ditamatkan.
- d. **Kuat Kuasa Semula** - Sekiranya sijil anda telah luput kerana pembayaran caruman tidak dibuat, sijil tersebut boleh dikuatkuasakan semula pada bila-bila masa dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh luput, tertakluk kepada keperluan Kami.
- e. **Tempoh Menunggu** - Manfaat penyakit kritis dan manfaat tunai harian hospital tertakluk kepada tempoh menunggu masing-masing seperti yang dinyatakan di bawah pengecualian. Sekiranya perlindungan terberhenti, tempoh menunggu akan dimulakan semula dari tarikh kuat kuasa semula.
- f. **Keadaan Sedia Ada** - Pelan ini tidak melindungi sebarang keilatan, kecederaan, wabak atau penyakit (fizikal atau mental) yang anda atau orang yang dilindungi mempunyai pengetahuan munasabah sebelum tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.
- g. **Penyakit Tertentu** - Pelan ini juga tidak melindungi penyakit tertentu dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama dari tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.
- h. Anda harus mencalonkan penama dan memastikan penama anda tahu tentang penyertaan anda dalam pelan ini. Ini hanya terpakai sekiranya peserta dan orang yang dilindungi adalah orang yang sama.
- i. Sekiranya insiden berlaku yang menyebabkan tuntutan, Kami hendaklah diberitahu dengan segera. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil anda.

**Nota:**

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

## 7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

### Manfaat Kematian

Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tahun pertama (1) dari tarikh kuat kuasa risiko atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

### Manfaat KMK

- a. KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa risiko atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian;
- b. KMK yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh atau timbul berkaitan dengan sebarang keadaan sedia ada di mana:
  - i. Anda atau orang yang dilindungi mempunyai pengetahuan munasabah mengenai keadaan sedia ada tersebut dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum tarikh kuat kuasa risiko atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian; dan
  - ii. KMK berlaku dalam tahun pertama (1) dari tarikh kuat kuasa risiko atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian;
 atau
- c. KMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
  - i. Cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras;
  - ii. Penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara lain selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - iii. Perang (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) dan penyertaan secara langsung dalam aktiviti jenayah, mogok, rusuhan atau pemberontakan tanpa kebenaran, tetapi bukan untuk tugas dan latihan ketenteraan rutin;
  - iv. Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
  - v. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

### Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:

- a. Perang (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) dan penyertaan secara langsung dalam aktiviti jenayah, mogok, rusuhan atau pemberontakan tanpa kebenaran, tetapi bukan untuk tugas dan latihan ketenteraan rutin;
- b. Bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berterusan;
- c. Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- d. Penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- e. Sebarang kecacatan atau kelelahan fizikal;
- f. Melahirkan anak atau keguguran, kehamilan;
- g. Penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara lain selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
- h. Penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan atau pertandingan yang berbahaya atau menunggang atau memandu dalam sebarang jenis perlumbaan atau pertandingan;
- i. Antraks, keracunan darah, erysipelas, keracunan ptomaine, pyaemia, septikemia dan/atau tetanus; atau

- j. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

**Manfaat Kematian Semasa Menunaikan Haji / Umrah**

Kematian dalam tahun pertama (1) dari tarikh kuat kuasa risiko atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

**Manfaat Penyakit Kritikal**

- a. Sebarang penyakit yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berterusan;
- b. Penyakit kritikal yang timbul di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengubah minda;
- c. Penyakit kritikal akibat mencederakan diri sendiri, ketika waras atau tidak waras; atau
- d. Penyakit kritikal di mana:
  - i. tanda-tanda atau simptom-simptom wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian, untuk kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari dan penyakit arteri koronari serius; atau
  - ii. tanda-tanda atau simptom-simptom wujud sebelum atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian, untuk semua penyakit lain di bawah Lampiran – Senarai Penyakit Kritikal Yang Dilindungi.

Tuntutan bagi penyakit kritikal di atas tidak boleh diterima sekiranya pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat tempoh menunggu.

**Manfaat Tunai Harian Hospital**

Penghospitalan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada mana-mana satu (1) kejadian berikut:

- a. Keadaan sedia ada;
- b. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian;
- c. Penyakit selain daripada Penyakit Tertentu atau yang disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa risiko atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian;
- d. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk bersalin secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan penjagaan sebelum atau selepas bersalin dan kawalan kehamilan secara kaedah kontraseptif pembedahan, mekanikal atau kimia atau rawatan yang berkaitan dengan ketidaksuburan. Disfungsi seksual dan ujian atau rawatan berkaitan dengan kemandulan atau pensterilan;
- e. Gangguan psikotik, mental atau saraf, termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya;
- f. Penyakit atau kecederaan yang timbul di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengubah minda;
- g. Peperangan (yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan) dan penyertaan secara langsung dalam aktiviti jenayah, mogok, rusuhan atau pemberontakan tanpa kebenaran, tetapi bukan untuk tugas dan latihan ketenteraan rutin;
- h. Pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan api nuklear;
- i. Cubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja ketika waras atau tidak waras;
- j. Penerangan persendirian selain sebagai penumpang bertambang biasa dalam mana-mana syarikat penerangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- k. Penyakit atau kecederaan akibat daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram;
- l. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan;
- m. Penghospitalan yang dianggap tidak munasabah dan perlu dari segi perubatan selaras dengan diagnosis dan rawatan keadaan; atau
- n. Pemeriksaan atau perundingan perubatan, penjagaan dan rawatan kosmetik atau pergigian dan pembedahan plastik, pendermaan organ atau tisu, pertukaran jantina, pembedahan eksperimen atau elektif atau anomali kongenital.

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda dalam tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalender. Dalam keadaan sedemikian, anda boleh mendapatkan bayaran balik penuh caruman yang telah dibayar tanpa untung ditolak sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan orang yang dilindungi. Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalender, sebarang baki dalam AP akan dibayar. Walau bagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Baki terkumpul yang anda boleh dapat apabila menyerahkan sijil sebelum tempoh matang akan jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang anda telah bayar.

**9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal myTakaful Customer atau memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menjurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila hubungi Takaful Malaysia di:

**Unit Khidmat Pelanggan (UKP)**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

E-mel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my).

**11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.**

Sila ajukan pertanyaan kepada wakil jualan Kami untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada 03/2024.

**LAMPIRAN - SENARAI PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI**

<b>Senarai Penyakit Kritikal</b>	
1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	25. Penyakit Motor Neuron - defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
2. Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	26. Sklerosis Berbilang
3. Tumor Otak Benign - dengan tahap keparahan tertentu	27. Distrofi Otot
4. Buta - Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	28. Lumpuh anggota badan
5. Pembedahan Otak	29. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6. Kanser - dengan tahap keparahan tertentu dan tidak melindungi kanser yang sangat awal	30. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - dengan tahap keparahan tertentu
7. Kardiomiopati - dengan tahap keparahan tertentu	31. Penyakit Arteri Koronari yang Serius
8. Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal	32. Strok - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
9. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan	33. Pembedahan kepada Aorta
10. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	34. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
11. Pekak - Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	35. Lecur Tahap Ketiga - dengan tahap keparahan tertentu
12. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	36. Jangkitan HIV Disebabkan Pekerjaan
13. Kegagalan Hati Tahap Akhir	37. Penyakit Terminal
14. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	38. Penyakit Cystic Medullary
15. AIDS Penuh	39. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
16. Hepatitis Viral Fulminan	40. Hepatitis Autoimun Kronik
17. Serangan Jantung - dengan tahap keparahan tertentu	41. Pankreatitis Berulang Kronik
18. Pembedahan Injap Jantung	42. Penyakit Creutzfeldt-Jakob
19. Jangkitan HIV Disebabkan Pemindahan Darah	43. Demam Berdarah Ebola
20. Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplantasi buah pinggang	44. Elephantiasis
21. Kehilangan Kewujudan Bebas	45. Poliomielitis
22. Kehilangan Pertuturan	46. Skleroderma Progresif
23. Trauma Kepala Utama - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	47. Sindrom Eisenmenger yang Teruk
24. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang	